

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
KAWASAN : BERUAS
TARIKH : 19 MAC 2018
NO. SOALAN : 61

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah penurunan atau kenaikan harga kenderaan di Malaysia sejak tahun 2013 sehingga kini (2018).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan Kerajaan pada bulan Januari 2014 bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan cekap tenaga (EEV) dan meningkatkan keupayaan keseluruhan ekosistem industri automotif supaya lebih berdaya saing. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah menawarkan *customised incentive* termasuk pengurangan dan pengecualian cukai di bawah NAP 2014 terutamanya bagi menggalakkan pengeluaran kenderaan EEV dan aktiviti nilai tambah.

Pelaksanaan NAP 2014 telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan. Ini dapat dilihat melalui

penurunan harga kereta sebanyak 14.68% bagi tempoh 2013 hingga 2015.

Walau bagaimanapun, harga kereta telah meningkat semula bermula pada tahun 2016 sebanyak 2.13% berikutan kejatuhan nilai Ringgit yang menyebabkan kos pengeluaran kereta telah meningkat dan pihak syarikat pengeluar kenderaan (OEM) tidak dapat membuat pengurangan harga kereta. Oleh itu, penurunan harga kereta secara keseluruhan pada 2016 hanyalah 12.55%. Pada 2017, penurunan harga kereta secara keseluruhan telah meningkat sebanyak 0.52% iaitu sebanyak 13.07%.

Model-model kereta yang telah diturunkan harga secara berperingkat termasuk:

- Proton Exora 1.6 (penurunan sebanyak 4.7%);
- Perodua Alza 1.5 (penurunan sebanyak 11.3%);
- Perodua Myvi 1.3 (penurunan sebanyak 19.4%);
- Honda Jazz (penurunan sebanyak 19.3%);
- Mazda CX-5 (penurunan sebanyak 6.6%); dan
- Toyota Vios E (penurunan sebanyak 1.8%);

Penurunan harga kereta ini turut dinikmati oleh golongan B40 di mana penurunan harga kenderaan (mampu milik) dalam segmen harga kurang daripada RM60,000 telah mencatat penurunan sebanyak 4.17%. Antara model kenderaan yang terlibat termasuklah Perodua MyVi dan Proton Persona.

Sekian, terima kasih.